

BAHANA BAUKSIT

Terhadap Kesihatan & Alam Sekitar

BAUKSIT TIBA-TIBA MENJADI AGAK POPULAR KEBELAKANGAN INI. NAMUN TIDAK RAMAI YANG MENGETAHUI APA SEBENARNYA BAUKSIT INI, KESANNYA KEPADA ALAM SEKITAR MAHUPUN KESIHATAN INDIVIDU YANG TERDEDAH KEPADA HASIL LOMBONG INI. JUSTERU HARMONI CUBA MEMBERI SEDIKIT GAMBARAN RINGKAS MENGENAI BAUKSIT AGAR KITA TAHU BAIK DAN BURUKNYA.

JIKA diikutkan sejarah, penemuan batuan merah ini atau Bauxit mula dijumpai oleh seorang ahli geologi Perancis, Pierre Berthier, pada tahun 1821. Sejak penemuan itu, bahan turut digunakan meluas dalam industri perkakasan rumah, pembuatan kapal, automobil, tin minuman dan banyak lagi.

Di sebalik sifat universal itu, tidak hairanlah kewujudan bauxit ketika ini mendapat permintaan yang tinggi di seluruh dunia. Akan tetapi, dek kerana rakusnya segelintir manusia untuk mendapatkan bahan ini nyata mengandungi pelbagai permasalahan baik pada alam sekitar mahupun keselamatan awam setempat.

Seperti yang dilaporkan akhbar-akhbar tempatan, ramai yang melahirkan kebimbangan tentang isu perlombongan bauxit semakin rancak dijalankan di Felda Bukit Goh serta kawasan sekitarnya. Antara yang terkesan sudah terutamanya masyarakat di kawasan sekitar yang terpaksa menghadapi pelbagai permasalahan akibat perlombongan tersebut.

Akibat aktiviti perlombongan itu, kawasan yang terlibat tercemar dengan kehadiran debu-debu berwarna merah. Apa yang pasti tahap kualiti udara turut terjejas sekali gus boleh mendaratkan kemudaratan kepada kesihatan penduduk berhampiran.

KESAN PADA KESIHATAN

Merujuk sebuah laporan bertajuk Environmental & Social Impacts of Bauxite Exploitation in the Central Highlands of Vietnam, aktiviti perlombongan bauxit dikhuatiri boleh memberi kesan terhadap kesihatan manusia.

Laporan tersebut yang dibentangkan pada tahun 2009 oleh Presiden Vietnamese American Science & Technology Society, Dr. Mai Truyen Thanh, terdapat beberapa kesan kemungkinan boleh berlaku akibat aktiviti perlombongan bauxit.

Menurutnya, perlombongan bauxit kebiasaannya menghasilkan debu-debu kemerahan. Secara tidak langsung, kehadiran debu ini boleh memberi kesan terhadap habitat termasuk kawasan perumahan atau pertanian.

Tidak hanya itu, debu ini yang terdiri bahan kimia toksik seperti radium, thorium dan beryllium. Jika ia terdedah

dalam jangka masa panjang boleh mengakibatkan penularan kanser paru-paru kalangan masyarakat setempat.

Selain itu, manusia yang terdedah pada debu merah ini turut berisiko mendapat penyakit-penyakit lain seperti ensefalopati (tumpuan pada bahagian otak), osteoporosis, anemia atau parkinson.

Katanya lagi, ia juga boleh menyebabkan keracunan jika terlalu kerap terdedah pada debu ini. Antaranya, individu yang terdedah akan merasa loya, pening, sukar bernafas dan pengsan. Hal sama juga boleh menyebabkan kegatalan pada bahagian kulit, melepuh pada bahagian tekak, mulut atau hidung.

HUJAN ASID & PENCEMARAN AIR

Kehadiran debu-debu merah ini tidak mustahil boleh menjejaskan alam sekitar. Jelas Thanh, pembentukan wap sulfur dioksida berpotensi tinggi untuk menghasilkan hujan asid sekali gus mengakibatkan kerosakan terhadap tanaman-tanaman atau tumbuhan lain yang berdekatan dengan kawasan perlombongan bauxit.

Dalam laporan itu, Thanh turut menjelaskan sumber air bawah tanah kemungkinan akan tercemar ekoran aliran air hujan asid yang bercampur debu-debu tersebut. □

BAUKSIT

- * Batuan yang terbentuk dari tanah laterit dan mempunyai unsur silika.
- * Boleh ditemui di kawasan beriklim tropika dan subtropika.
- * Diekstrak untuk menghasilkan aluminium.
- * Warna merah, putih, kelabu, kuning, oren kemerahan, merah jambu dan coklat.
- * Negara pengeluar bauxit terbesar iaitu Australia-68,414 tan, China-44,000 tan, Brazil-28,100 tan, India-18,000 tan, Guinea-17,400 tan, Jamaica-8,540 tan, Rusia-5,475 tan, Kazakhstan-5,310 tan, Suriname-4,000 tan dan Greece-2,500 tan. (Sumber: USGS Mineral Commodity Summary pada tahun 2010).